

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]**

SOALAN

TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [SETIAWANGSA] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- a) berapakah gaji berserta elaun permulaan yang diterima penjawat awam yang berkelulusan minima SPM, PT3 / PMR dan PT3 / PMR ke bawah; dan
- b) berapa kalikah gaji dan elaun ini telah dinaikkan sejak tahun 2000, dan nyatakan gaji berserta elaunnya sekali.

JAWAPAN: [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)]

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, gaji minimum bagi pegawai yang mempunyai kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Gred 19 adalah antara RM1,352.00 hingga RM1,377.00 manakala bagi pegawai yang berkelayakan Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah (PT3 / PMR) atau Gred 11 adalah antara RM1,200.00 hingga RM1,218.00.

Selain daripada gaji pokok, pegawai Gred 19 dan 11 turut menerima imbuhan tetap seperti Imbuhan Tetap Perumahan (ITP), Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) serta Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH)

mengikut kadar tertentu berdasarkan gred dan lokasi berkhidmat. Secara amnya, jumlah pendapatan yang merangkumi gaji pokok, imbuhan tetap serta BISH bagi pegawai Gred 19 dan 11 adalah seperti berikut:

KELAYAKAN	GRED	JUMLAH PENDAPATAN (RM)	
		MIN	MAKS
SPM	19	1,967.00	4,817.00
PT3 / PMR	11	1,795.00	3,746.00

Selain daripada itu, pegawai dari Kumpulan Pelaksana yang diarahkan untuk bekerja lebih masa juga adalah layak untuk menuntut Elaun Lebih Masa (ELM) mengikut jumlah jam bekerja di luar waktu pejabat.

b) Sejak tahun 2000, Kerajaan telah melaksanakan sebanyak 7 semakan dan pemberian kenaikan gaji kepada semua Pegawai Perkhidmatan Awam. Semakan dan pemberian kenaikan gaji kepada pegawai Kumpulan Pelaksana adalah seperti berikut:

- i) Tahun 2000 - Kenaikan gaji sebanyak 10%;
- ii) Tahun 2002 - Kenaikan gaji sebanyak 10%;
- iii) Tahun 2002 - Peningkatan matagaji sebanyak RM15;
- iv) Tahun 2007 - Kenaikan gaji sebanyak 25% (Sokongan I) dan 35% (Sokongan II);
- v) Tahun 2012 - Kenaikan gaji sebanyak 13%;
- vi) Tahun 2013 - Faedah pemindahan gaji bersamaan 1 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT); dan
- vii) Tahun 2016 - Faedah pemindahan gaji bersamaan 1 KGT.

Pada 1 Julai 2016, Kerajaan bersetuju menetapkan gaji permulaan terendah pada kadar RM1,200.00 sebulan melibatkan pegawai Gred 11 dengan kelayakan masuk PT3 / PMR. Selain semakan dan pemberian kenaikan gaji, Kerajaan pada tahun 2015 turut melaksanakan semakan kadar Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dengan memberi kenaikan sebanyak RM120 kepada pegawai Kumpulan Pelaksana, daripada RM180 kepada RM300 sebulan.

Di samping itu, pada tahun 2019 Kerajaan turut mengumumkan kenaikan kadar Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH) kepada Pegawai Perkhidmatan Awam dari Kumpulan Pelaksana sebanyak RM50 bagi setiap kawasan. Kadar baharu BISH bagi pegawai Kumpulan Pelaksana adalah RM350 bagi kawasan A, RM300 bagi kawasan B dan RM200 bagi kawasan lain. Kadar bayaran BISH adalah mengikut penyelarasan PBT yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [SETIAWANGSA]

SOALAN

minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah bilangan sekolah yang mengikuti program pendidikan khas integrasi mengikut kategori setiap tahun dari pengenalan program itu hingga hari ini; dan
- (b) berapa bilangan guru dan pelajar yang mengikuti program pendidikan khas integrasi mengikut kategori setiap tahun dari pengenalan program itu hingga hari ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) telah mula dilaksanakan secara berstruktur dengan penubuhan Jabatan Pendidikan Khas (JPK) pada 1 Oktober 1995. Sebanyak empat (4) kategori kelainan upaya telah dikenalpasti iaitu Kurang Upaya Pendengaran (DE), Kurang Upaya Penglihatan (DL), Masalah Pembelajaran (LD) dan Masalah Pembelajaran Spesifik Disleksia (DIS).

Bilangan sekolah yang melaksanakan PPKI mulai tahun 1996 hingga Oktober 2020 mengikut kategori adalah seperti jadual di bawah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap sekolah boleh mempunyai lebih daripada satu kategori.

Jadual 1: Bilangan sekolah yang melaksanakan PPKI mulai tahun 1996

hingga Oktober 2020.

TAHUN	BILANGAN KATEGORI													
	PRASEKOLAH			JUM	RENDAH				JUM	MENENGAH				JUM
	DE	BL	LD		DE	BL	LD	DIS		DE	BL	LD	DIS	
1996	-	-	-	0	28	8	123	-	159	18	12	24	-	54
1997	-	-	-	0	30	7	217	-	254	23	12	39	-	74
1998	-	-	-	0	28	8	232	-	268	26	13	61	-	100
1999	-	-	-	0	34	10	291	-	335	32	10	108	-	150
2000	-	-	-	0	36	11	324	-	371	36	12	116	-	164
2001	-	-	-	0	28	11	424	-	463	26	14	154	-	194
2002	-	-	-	0	41	11	404	-	456	39	15	160	-	214
2003	-	-	-	0	34	11	473	-	518	39	13	187	-	239
2004	-	-	-	0	30	9	532	-	571	37	14	225	-	276
2005	-	-	32	32	34	13	588	-	635	43	14	281	-	338
2006	-	-	44	44	30	12	656	-	698	42	14	320	-	376
2007	-	-	87	87	34	10	767	-	811	39	14	348	-	401
2008	-	-	122	122	36	15	882		933	33	17	319	-	369
2009	-	-	141	141	29	10	947	55	1,041	39	17	495	4	555
2010	-	-	144	144	66	27	1,089	76	1,258	50	25	532	15	622
2011	-	-	147	147	15	54	1,160	49	1,278	19	44	602	14	679
2012	-	-	155	155	46	18	1,253	51	1,368	47	20	642	13	722
2013	-	-	160	160	48	19	1,298	51	1,416	45	17	659	14	735
2014	1	-	161	162	47	19	1,344	49	1,459	44	21	697	13	775
2015	1	1	165	167	52	19	1,387	45	1,503	43	24	717	13	797
2016	1	0	166	167	49	20	1,416	45	1,530	43	22	748	11	824
2017	1	1	172	174	48	21	1,453	41	1,563	42	19	765	11	837
2018	1	1	173	175	47	21	1,470	48	1,586	42	23	793	6	864
2019	1	1	176	178	47	20	1,529	37	1,633	47	19	817	4	887
OKTOBER 2020	1	1	180	182	47	21	1,567	33	1,668	47	22	838	5	912

Kategori: DE - Kurang Upaya Pendengaran; BL - Kurang Upaya Penglihatan; LD - Masalah Pembelajaran; DIS – Masalah Pembelajaran Spesifik Disleksia

Pengumpulan data guru PPKI dari tahun 1996 sehingga 2009 adalah tidak mengikut kategori kelas yang diajar pada masa tersebut memandangkan kutipan data adalah dibuat secara manual. Walau bagaimanapun, bermula pada tahun 2010, KPM telah menambah baik kaedah pengumpulan data dan terdapat keperluan untuk mengambil kira kategori kelas yang diajar selaras dengan kehendak pihak yang berkepentingan pada masa tersebut terutama dari aspek latihan guru praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan. Perincian bagi bilangan guru yang terlibat dalam PPKI di Jadual 2 (a) adalah tidak mengikut kategori dan Jadual 2 (b) pula adalah mengikut kategori.

**Jadual 2 (a): Bilangan guru PPKI dari tahun 1996 hingga 2009
(tidak mengikut kategori kelas yang diajar).**

TAHUN	BILANGAN GURU			JUMLAH GURU
	Prasekolah	Rendah	Menengah	
1996	-	689	175	864
1997	-	1,103	330	1,433
1998	-	1,249	416	1,665
1999	-	1,446	576	2,022
2000	-	1,513	674	2,187
2001	-	1,729	753	2,482
2002	-	1,735	852	2,587
2003	-	1,907	945	2,852
2004	-	2,206	1,055	3,261
2005	32	2,710	1,342	4,084
2006	44	3,148	1,692	4,884
2007	87	3,178	1,597	4,862
2008	122	4,094	1,931	6,147
2009	142	5,197	3,159	8,498

Jadual 2 (b): Bilangan guru PPKI dari tahun 2010 hingga Oktober 2020

(mengikut kategori kelas yang diajar).

TAHUN	PERINGKAT	KATEGORI				JUMLAH GURU
		DE	BL	LD	DIS	
2010	Prasekolah	0	0	144	0	144
	Rendah	255	95	6,054	197	6,601
	Menengah	294	103	3,269	15	3,681
2011	Prasekolah	0	0	149	0	149
	Rendah	221	71	6,130	106	6,528
	Menengah	254	113	3,583	27	3,977
2012	Prasekolah	0	0	156	0	156
	Rendah	199	70	6,285	109	6,663
	Menengah	265	110	3,567	23	3,965
2013	Prasekolah	0	0	156	0	156
	Rendah	195	75	6,553	111	6,934
	Menengah	275	117	3,790	25	4,207
2014	Prasekolah	0	0	162	0	162
	Rendah	206	84	7,145	108	7,543
	Menengah	258	121	4,247	23	4,649
2015	Prasekolah	1	0	165	0	166
	Rendah	232	102	7,471	116	7,921
	Menengah	291	111	4,437	43	4,882
2016	Prasekolah	2	0	166	0	168
	Rendah	203	79	7,555	114	7,951
	Menengah	292	123	4,794	26	5,235
2017	Prasekolah	2	1	175	0	178
	Rendah	211	84	7,786	86	8,167
	Menengah	295	116	5,106	32	5,549
2018	Prasekolah	1	1	176	0	178
	Rendah	212	83	7,770	102	8,167
	Menengah	264	133	5,188	17	5,602
2019	Prasekolah	1	1	181	0	183
	Rendah	207	81	7,891	93	8,272
	Menengah	96	289	5,577	15	5,977
Oktober 2020	Prasekolah	1	1	185	0	187
	Rendah	207	92	8,108	87	8,494

TAHUN	PERINGKAT	KATEGORI				JUMLAH GURU
		DE	BL	LD	DIS	
	Menengah	284	114	5,675	20	6,093

DE - Kurang Upaya Pendengaran; BL - Kurang Upaya Penglihatan; LD - Masalah Pembelajaran;

DIS – Masalah Pembelajaran Spesifik Disleksia

Manakala bagi data murid berkeperluan khas (MBK), terdapat tiga set data yang berbeza (Jadual 3a, Jadual 3b dan Jadual 3c) berdasarkan kaedah pengumpulan data bermula pada tahun 1996 sehingga kini. Ini adalah berikutan penambahbaikan yang diperhalusi oleh KPM dari semasa ke semasa mengikut keperluan pihak berkepentingan. Perbezaan ini juga adalah disebabkan oleh Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997 yang telah dipinda dan ditambah baik pada tahun 2013. Pindaan utama dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997 adalah cakupan yang lebih luas dalam aspek kategori MBK daripada tiga kategori iaitu masalah penglihatan, masalah pendengaran dan masalah pembelajaran kepada enam kategori iaitu kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, kurang upaya fizikal, kurang upaya pertuturan, masalah pembelajaran dan kurang upaya pelbagai.

Jadual 3 (a): Data MBK pada tahun 1996 hingga 2005.

TAHUN	PERINGKAT			JUMLAH MBK
	Prasekolah	Rendah	Menengah	
1996	-	3,379	989	4,368
1997	-	4,872	1,589	6,461
1998	-	5,321	2,035	7,356
1999	-	6,433	2,627	9,060
2000	-	6,759	2,964	9,723
2001	-	7,760	3,632	11,392
2002	-	8,009	3,952	11,961
2003	-	9,037	4,546	13,583
2004	-	10,864	5,793	16,657

2005	134	11,557	6,778	18,469
------	-----	--------	-------	---------------

Jadual 3 (b): Data MBK pada tahun 2006 hingga 2014.

TAHUN	PERINGKAT	KATEGORI				JUMLAH MBK	JUMLAH KESELURUHAN MBK
		DE	BL	LD	DIS		
2006	Prasekolah	0	0	198	0	198	22,608
	Rendah	389	109	13,755	0	14,253	
	Menengah	1,072	224	6,861	0	8,157	
2007	Prasekolah	0	0	355	0	355	25,849
	Rendah	711	119	15,501	0	16,331	
	Menengah	887	226	8,050	0	9,163	
2008	Prasekolah	0	0	519	0	519	27,370
	Rendah	587	155	17,214	0	17,956	
	Menengah	872	197	7,826	0	8,895	
2009	Prasekolah	0	0	650	0	650	36,289
	Rendah	350	115	20,721	589	21,775	
	Menengah	865	275	12,696	28	13,864	
2010	Prasekolah	0	0	665	0	665	43,584
	Rendah	531	169	25,038	621	26,359	
	Menengah	859	292	15,331	78	16,560	
2011	Prasekolah	4	0	672	0	676	47,780
	Rendah	582	127	26,719	651	28,079	
	Menengah	895	311	17,668	151	19,025	
2012	Prasekolah	9	1	641	13	664	51,577
	Rendah	471	133	28,839	570	30,013	
	Menengah	957	311	19,462	170	20,900	
2013	Prasekolah	7	2	662	3	674	54,065
	Rendah	500	149	29,391	577	30,617	
	Menengah	979	321	21,274	200	22,774	
2014	Prasekolah	14	3	690	2	709	55,269
	Rendah	502	165	28,985	1,043	30,695	
	Menengah	1,112	321	21,796	636	23,865	

*DE - Kurang Upaya Pendengaran; BL - Kurang Upaya Penglihatan; LD - Masalah Pembelajaran;
DIS – Masalah Pembelajaran Spesifik Disleksia*

Jadual 3 (c): Data MBK pada tahun 2015 hingga Oktober 2020.

TAHUN	PERINGKAT	KATEGORI						JUMLAH MBK	JUMLAH KESELURUHAN MBK
		DE	BL	LD	PH	SD	MD		
2015	Prasekolah	30	3	652	35	8	19	747	58,662
	Rendah	673	265	28,717	1,019	265	832	31,771	
	Menengah	1,401	344	22,526	734	107	1,032	26,144	
2016	Prasekolah	29	6	689	56	9	41	830	59,505
	Rendah	666	265	29,739	965	140	801	32,576	
	Menengah	1,368	330	23,185	706	38	472	26,099	
2017	Prasekolah	28	7	787	36	5	42	905	61,933
	Rendah	671	283	31,397	1,061	182	942	34,536	
	Menengah	1,260	325	23,677	751	31	448	26,492	
2018	Prasekolah	30	10	853	34	6	42	975	65,120
	Rendah	673	278	33,399	1,150	244	1,057	36,801	
	Menengah	1,164	331	24,498	800	61	490	27,344	
2019	Prasekolah	38	6	841	42	11	42	980	69,628
	Rendah	675	282	36,290	1,189	288	1,201	39,925	
	Menengah	1,152	350	25,685	859	88	589	28,723	
Oktober 2020	Prasekolah	27	12	916	42	19	29	1,045	74,447
	Rendah	674	287	38,682	1,248	344	1,361	42,596	
	Menengah	988	363	27,713	900	109	733	30,806	

*DE - Kurang Upaya Pendengaran; BL - Kurang Upaya Penglihatan; LD - Masalah Pembelajaran;
PH - Kurang Upaya Fizikal; SD - Kurang Upaya Pertuturan; MD - Kurang Upaya Pelbagai*

Sekian.